



# UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI  
BURSAR OFFICE

**Rujukan kami** : **UMT/BEND/100– 4/5 Jilid 2 (5)**  
**Tarikh** : **10 Oktober 2023**  
**Bersamaan** : **24 Rabiulawal 1445H**

## Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato'/ Prof./Tuan/Puan,

### SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2023

#### **PERATURAN PENUTUPAN AKAUN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU BAGI TAHUN KEWANGAN 2023**

#### **TUJUAN**

1. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memberi penjelasan mengenai peraturan penutupan akaun bagi tahun kewangan 2023 untuk memastikan penyediaan akaun akhir tahun dapat dilaksanakan dengan baik dan berjalan lancar.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Daripada pemerhatian Pejabat Bendahari, pada setiap penghujung tahun sebelum penutupan akaun Universiti dilaksanakan, masih ada Pusat Tanggungjawab (PTj) yang gagal menghantar dokumen pembayaran pada tarikh yang telah ditetapkan.
3. Oleh yang demikian, Pejabat Bendahari menghadapi masalah untuk mengenal pasti senarai tanggungan dan menyebabkan proses penutupan akaun universiti pada akhir tahun terganggu.
4. Untuk mengatasi masalah di atas, kerjasama daripada semua pihak amat diharapkan untuk mematuhi tarikh yang telah ditetapkan di dalam pekeliling ini.



OfficialUMT



## PERUNTUKAN 2023 YANG MENCUKUPI

5. Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan peruntukan PTj bagi tahun 2023 adalah mencukupi untuk membayar kesemua perbelanjaan yang telah dibuat.
6. Jika syarat ini tidak dipenuhi, maka bayaran yang berkenaan akan dikenakan kepada peruntukan tahun 2024 (bagi peruntukan belanja mengurus sahaja).
7. Perlu diingatkan pindahan peruntukan tidak dibenarkan sama sekali bagi peruntukan aset dan peruntukan yang dipusatkan di bawah kawalan Pejabat Bendahari (kod PTj) seperti mana berikut:
  - A30000      Aset
  - P10000      Emolumen
  - P23200      Utiliti
  - P29100      Perubatan
  - P29300      Gaji Sementara, Sambilan & Kontrak
  - P41000      Biasiswa dan Dermasiswa
8. Peraturan ini ditetapkan untuk membolehkan pihak Pejabat Bendahari membuat pelarasan caj yang dikenakan kepada Pusat Tanggungjawab pada penghujung tahun kelak.
9. Bagi peruntukan selain dari para 7 di atas, kelulusan pindah peruntukan boleh dibuat dengan kelulusan Bendahari.

## PENGELUARAN PESANAN BELIAN (PO)

10. Bagi memastikan semua pembelian tahun 2023 dikenakan kepada peruntukan tahun 2023, tarikh akhir penghantaran Pesanan Jabatan (RO) dan pengeluaran Pesanan Belian (PO) adalah sepertimana Jadual 1:

| Perkara   | Tarikh Akhir              |
|---|---------------------------|
| Tarikh akhir Pejabat Bendahari terima Pesanan Jabatan (RO) melalui Sistem MyOrder | 09 November 2023 (Khamis) |
| Tarikh akhir pengeluaran Pesanan Belian   | 16 November 2023 (Khamis) |

Jadual 1: Tarikh Akhir Penghantaran Pesanan Jabatan (RO) dan Pengeluaran PO

11. Walau bagaimanapun, bagi pesanan bekalan/perkhidmatan **yang pasti dapat diterima/disempurnakan** sebelum atau pada **30 November 2023 (Khamis)** maka tarikh pengeluaran pesanan belian bolehlah dilanjutkan. Dalam hal ini, tarikh seperti di para 10 hendaklah dijadikan sebagai panduan.
12. Semua pesanan belian yang dikeluarkan bagi tahun 2023, bekalan/perkhidmatan mestilah diterima selewat-lewatnya pada **30 November 2023 (Khamis)** dan dokumen pembayaran hendaklah dihantar ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada jam **4.00 petang** pada **10 Disember 2023 (Ahad)** bagi menentukan ianya dicaj ke peruntukan tahun 2023.

**SERAHAN DOKUMEN**

13. Untuk memastikan penutupan akaun tahun 2023 berjalan dengan lancar dan dokumen tidak dikumpul atau disimpan sehingga saat-saat akhir, maka semua dokumen tuntutan bayaran berserta dengan dokumen sokongan yang lengkap bagi perbelanjaan yang berlaku pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan di bawah ini (Jadual 2) hendaklah diterima oleh Pejabat Bendahari, sebagaimana ketetapan berikut :-

| <b>Perkara</b>                                       | <b>Tarikh Akhir Terimaan di Pejabat Bendahari</b> |
|--|---|
| Perbelanjaan sehingga 15 November 2023               | 19 November 2023 (Ahad)                           |
| Perbelanjaan dari 16 November hingga 5 Disember 2023 | 10 Disember 2023 (Ahad)                           |

Jadual 2: Tarikh Akhir Terimaan di Pejabat Bendahari

14. Jadual penuh penutupan akaun tahun 2023 Universiti Malaysia Terengganu adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
15. Kerjasama daripada semua pihak sangatlah diperlukan untuk menentukan dokumen tersebut dihantar ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya jam **4.00 petang** pada tarikh tersebut. Semua penghantar dokumen diminta mendapatkan pengesahan akuan terima daripada pegawai yang berkenaan.

## **PENGURUSAN KEWANGAN ASET**

16. Bagi perolehan aset, semua **pengesahan penerimaan aset** hendaklah dibuat sebelum atau **pada 06 Disember 2023 (Rabu)** oleh pegawai pemesan di PTj dan PTj hendaklah memastikan dokumen untuk pembayaran dihantar ke Pejabat Bendahari dengan segera atau selewat-lewatnya pada **07 Disember 2023 (Khamis)**. Ini bagi membolehkan aset tersebut diiktiraf sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan tahun 2023.
17. Bagi projek pembinaan/pengubahsuaian yang masih dalam kemajuan dan dijangka **Perakuan Siap Kerja (CPC)** dikeluarkan pada bulan **Disember 2023**, hendaklah dimaklumkan kepada Seksyen Kewangan Aset, Pejabat Bendahari sebelum atau pada **19 Disember 2023 (Selasa)**. Ini bagi memastikan aset dalam pembinaan/pengubahsuaian dapat dipermodalkan pada tahun 2023.

## **BAYARAN BEKALAN/PERKHIDMATAN**

18. Perbelanjaan berikut **tidak** akan dibayar dengan menggunakan peruntukan tahun 2023 sekiranya :-
  - (a) Bekalan/perkhidmatan yang dipesan di dalam tahun 2023 tetapi **tidak** diterima/disempurnakan pada atau sebelum **5 Disember 2023 (Selasa)**.
  - (b) Bekalan/perkhidmatan yang telah diterima/disempurnakan pada atau sebelum 5 Disember 2023, tetapi pesanan belian, invois (bertarikh tahun 2023) beserta dokumen sokongannya **tidak** dikemukakan kepada Pejabat Bendahari selewat-lewatnya jam **4.00 petang** pada **10 Disember 2023 (Ahad)**.

## **PENYATA PANJAR WANG RUNCIT**

19. Sila gunakan borang di **LAMPIRAN B** apabila mengemukakan penyata panjar wang runcit.

20. Tarikh akhir bagi tuntutan imbuhan wang runcit adalah seperti Jadual 3 berikut :-

| <b>Perkara</b>   | <b>Tarikh Akhir Terimaan di Pejabat Bendahari</b> |
|--|---|
| Perbelanjaan sehingga 15 November 2023 (imbuhan biasa)   | 19 November 2023 (Ahad)                           |
| Perbelanjaan dari 16 November hingga 05 Disember 2023 <b>(dihantar bersama Penyata Pengesahan)</b> | 10 Disember 2023 (Ahad)                           |

*Jadual 3: Tarikh Akhir Bagi Tuntutan Imbuhan Wang Runcit*

## **PENUTUP**

21. Keterangan lanjut mengenai Surat Pekeliling ini boleh diperolehi daripada pegawai Seksyen Akaun, Pejabat Bendahari, UMT.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



**AZIZAH BINTI HASAN**

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k : Naib Canselor,

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)

**LAMPIRAN A****JADUAL PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2023  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

| <b>BIL</b> | <b>PERKARA</b>   | <b>TARIKH AKHIR</b>                        |
|------------|--|--|
| 1          | <b><u>SERAHAN INVOIS/TUNTUTAN:</u></b><br>i. SEHINGGA 15 NOVEMBER 2023<br>(INVOIS/TUNTUTAN DARI JANUARI HINGGA 15 NOVEMBER 2023)<br>ii. DARI 16 NOVEMBER HINGGA 5 DISEMBER 2023<br>(INVOIS/TUNTUTAN DARI 16 NOVEMBER HINGGA 5 DISEMBER 2023) | 19.11.2023 (AHAD)<br>10.12.2023 (AHAD)     |
| 2          | <b><u>REKUPAN PANJAR WANG RUNCIT:</u></b><br>i. SEHINGGA 15 NOVEMBER 2023<br>ii. 16 NOVEMBER HINGGA 5 DISEMBER 2023 (BERSAMA PENYATA PENGESAHAN PERBELANJAAN – LAMPIRAN B)   | 19.11.2023 (AHAD)<br>10.12.2023 (AHAD)     |
| 3          | <b><u>PESANAN JABATAN (RO) DAN PESANAN BELIAN (PO)</u></b><br>i. TARIKH AKHIR PEJABAT BENDAHARI TERIMA PESANAN JABATAN (RO) – (MYORDER)<br>ii. TARIKH AKHIR PENGELUARAN PESANAN BELIAN (PO)  | 09.11.2023 (KHAMIS)<br>16.11.2023 (KHAMIS) |
| 4          | <b><u>PELARASAN PENDAHULUAN DIRI DAN PELBAGAI</u></b><br>TARIKH AKHIR PELARASAN UNTUK PENDAHULUAN  | 16.11.2023 (KHAMIS)                        |
| 5          | <b><u>BAUCAR DAN JERNAL</u></b><br>TARIKH AKHIR PROSES BAUCAR DAN JERNAL   | 14.12.2023 (KHAMIS)                        |
| 6          | <b><u>CETAK CEK DAN EFT</u></b><br>TARIKH AKHIR PROSES CETAK CEK DAN EFT   | 17.12.2023 (AHAD)                          |
| 7          | <b><u>POSTING JERNAL BIASA DAN PELARASAN</u></b><br>i. TARIKH AKHIR JERNAL (POSTING) – JERNAL BIASA<br>ii. TARIKH AKHIR SEMUA PELARASAN AR, AP, CB DLL   | 19.12.2023 (SELASA)<br>21.12.2023 (KHAMIS) |
| 8          | <b><u>POSTING JERNAL KHAS</u></b><br>TARIKH AKHIR JERNAL (POSTING) – JERNAL KHAS<br>(ASET, YURAN PELAJAR, GERAN TERTUNDA DIREALISASI, DLL)   | 28.12.2023 (KHAMIS)                        |
| 9          | <b><u>PELARASAN BAJET</u></b><br>TARIKH AKHIR PELARASAN BAJET (SEMUA KUMPULAN WANG)  | 03.01.2024 (RABU)                          |
| 10         | <b><u>PRA PENUTUPAN AKAUN TAHUNAN</u></b><br>TARIKH PRA PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2023   | 04.01.2024 (KHAMIS)                        |
| 11         | <b><u>SEMAKAN SEMULA PEREKODAN PERAKAUNAN</u></b><br>TARIKH AKHIR SEMUA PELARASAN SELEPAS SEMAKAN SEMULA   | 08.01.2024 (ISNIN)                         |
| 12         | <b><u>PENUTUPAN AKAUN TAHUNAN</u></b><br>TARIKH PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2023   | 11.01.2024 (KHAMIS)                        |
| 13         | <b><u>PROSES KEWANGAN 2023</u></b><br>TARIKH PROSES KEWANGAN TAHUN 2023 BERMULA  | 14.01.2024 (AHAD)                          |

**NOTA:** Semua tarikh di atas adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

## UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Bil Tuan :

Bil. Kami :

Tarikh :

Bendahari  
Universiti Malaysia Terengganu  
**(u.p : Seksyen Akaun)**

Puan,

**PENGESAHAN PERBELANJAAN BAGI PANJAR WANG RUNCIT DARI TARIKH  
REKUPAN YANG TERAKHIR DALAM TAHUN 2023 SEHINGGA 5 DISEMBER 2023**

Berhubung dengan perkara di atas, berikut adalah butir-butir seperti yang dikehendaki :-

| Bil | Perkara  | Wang Runcit (RM) |
|-----|--|------------------|
| 1.  | Baki dibawa ke hadapan pada : .....<br>Baki Tunai : RM.....<br>Baki Setem : RM.....  |                  |
| 2.  | <b><u>Campur :</u></b><br>Imbuan yang telah diterima melalui :<br>Baucar bil : .....<br>Bertarikh : .....<br><b>ATAU</b><br>Imbuan yang belum diterima bagi :<br>Tuntutan : .....<br>Bertarikh : .....<br><b>Jumlah</b>  | .....            |
| 3.  | <b><u>Tolak:</u></b><br>Imbuan yang belum diterima bagi :<br>Tuntutan : .....<br>Bertarikh : .....<br>Perbelanjaan bagi tempoh ..... hingga .....<br>(Butiran lanjut dilampirkan)<br><br>Baki dalam tangan setakat 5 Disember 2023<br>Baki tunai : .....<br>Baki setem : ..... | .....<br>.....   |
|     | <b>Jumlah Keseluruhan<br/>Baki dibawa ke tahun 2023</b>  |                  |

Nama :

Cop Pusat Tanggungjawab :

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Seksyen Akaun  
Pejabat Bendahari  
Universiti Malaysia Terengganu  
Samb: 4380, 4134 & 4852

## Senarai Edaran:

1. Pendaftar
2. Pengarah Pembangunan dan Harta
3. Pengarah Pusat Ekosistem Digital
4. Ketua Pustakawan
5. Dekan, Fakulti Perikanan dan Sains Makanan
6. Dekan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
7. Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik
8. Dekan, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin
9. Dekan, Fakulti Pengajian Maritim
10. Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan
11. Pengarah, Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari
12. Pengarah, Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan
13. Pengarah, Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin
14. Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran
15. Pengarah, Pusat Kecemerlangan Penyelidikan & Inovasi
16. Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik dan Penjaminan Kualiti
17. Pengarah, Pusat Alumni
18. Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
19. Pengarah, Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi
20. Ketua, Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar
21. Pengarah, Pusat Asasi STEM
22. Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti
23. Pengarah, Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan
24. Pengarah, Pusat Antarabangsa
25. Pengarah, Penerbit UMT
26. Pengarah, Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri
27. Pengarah, Pusat Keusahawanan dan Kerjaya
28. Pengarah, Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko
29. Pengarah, Pusat Islam Sultan Mahmud
30. Pengarah, Kolej Kediaman
31. Pengarah, Pusat Latihan Pelayaran UMT
32. Ketua Audit Dalam
33. Ketua Unit Integriti
34. Ketua, Pusat Komunikasi Strategik Putrajaya
35. Ketua, Pusat Sukan dan Rekreasi (PSR)
36. Ketua Pusat Kebudayaan dan Kesenian